

11 MAR 2004
Pilihan Raya-Wanita
DR MASHITAH YAKIN REBUT KEMBALI KERUSI BALING

ALOR STAR, 11 Mac (Bernama) -- Penceramah popular Datuk Dr Mashitah Ibrahim, antara empat calon wanita yang diketengahkan Barisan Nasional (BN) Kedah untuk menyekat kemaraan PAS di negeri ini, berkata beliau yakin dapat merebut kembali kerusi parlimen Baling untuk BN.

Beliau berkata pemilihannya sebagai calon BN di kubu kuat pembangkang itu adalah atas kehendak pucuk pimpinan negara yang ingin melihatkan arus perubahan di kawasan itu.

"Saya bersedia menghadapi pihak lawan dan yakin dapat meraih sokongan majoriti pengundi memandangkan lebih 50 peratus pengundi di Baling terdiri daripada wanita," katanya ketika ditemui selepas pengumuman calon BN oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain di kediaman rasmi Menteri Besar di sini petang ini.

Beliau diberikan sorakan gemuruh daripada ribuan penyokong BN yang hadir semasa namanya diumumkan sebagai calon dan menerima watakah calon daripada Penasihat Pilihan Raya BN Kedah Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Sorakan gemuruh itu menambahkan lagi keyakinan saya untuk bertanding kerana kerjasama untuk membantu kemenangan saya sudah nampak tanda-tandanya," katanya.

Bekas pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berusia 39 tahun itu dan ibu kepada empat anak itu juga giat menguruskan perniagaan.

Di BALING, penyokong dan anggota Umno kawasan itu tidak terkejut dengan pemilihan Dr Mashitah sebagai calon malah mereka bersedia membantunya bagi memastikan BN mencapai kemenangan.

Anggota Jawatankuasa Wanita Umno bahagian Bashah Ahmad, 44, berkata pemilihan Dr Mashitah tepat bagi Taib Azamuddin Md Taib dari PAS yang mempertahankan kerusi Baling.

"Walaupun beliau disifatkan sebagai calon payung terjun tetapi dapat

diterima di sini kerana ketokohan beliau untuk mencabar calon PAS," katanya.

Seorang lagi anggota Umno Baling Omar Basir, 55, pula berkata walaupun Dr Mashitah bukan merupakan anak tempatan, beliau merupakan anak kelahiran Kedah yang perlu diberi sokongan.

Tiga lagi wanita yang diketengahkan BN ialah Ketua Puteri Umno Kedah Suraya Yaacob (Sungai Tiang), anggota Jawatankuasa Wanita Bahagian Kubang Pasu, Khalidah Adibah Ayob (Bukit Kayu Hitam) dan timbalan ketua Wanita MCA Kedah, Lim Bee Kau yang mempertahankan kerusi Parlimen Padang Serai.

Suraya berkata pemilihannya sebagai calon merupakan pengiktirafan kepada Puteri Umno yang sentiasa berkerja keras di negeri ini.

Suraya seorang peguam dan Ketua Penerangan Puteri Umno Malaysia berjanji akan mengekalkan kerusi itu daripada jatuh ke pihak lawan.

Khalidah Adibah, 29, seorang Pengarah Eksekutif sebuah syarikat di

Bandar Darulaman pula berkata beliau tidak akan mempersia-siakan harapan BN

yang memilihnya bertanding di kerusi DUN Bukit Kayu Hitam.

"Selain sokongan daripada jentera parti, saya akan mendapat khidmat nasihat daripada ibu saya yang pernah menjadi wakil rakyat suatu ketika dulu," katanya.

Ibunya Azizah Lebai Sudin, pernah menjadi Adun Kuala Nerang selama dua penggal sejak pilihan raya 1980 dan juga pernah menjawat jawatan Ketua wanita Umno Kedah.

Lim pula akan meneruskan tradisi membela rakyat di kawasan di Parlimen

Padang Serai jika terus memenangi pilihan raya kelak.

-- BERNAMA

MNH CSN ZS LAT